

**STRATEGI PENTERJEMAHAN ELEMEN
BUDAYA BUKAN MATERIAL DALAM *THE
WORLD IS FLAT: A BRIEF HISTORY OF THE
GLOBALIZED WORLD IN THE TWENTY-FIRST
CENTURY* KE DALAM BAHASA MELAYU**

NORHAZLINA HUSIN

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2015

**STRATEGI PENTERJEMAHAN ELEMEN
BUDAYA BUKAN MATERIAL DALAM *THE
WORLD IS FLAT: A BRIEF HISTORY OF THE
GLOBALIZED IN THE TWENTY-FIRST CENTURY*
KE DALAM BAHASA MELAYU**

Oleh

NORHAZLINA HUSIN

**Tesis ini diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

NOVEMBER 2015

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah dipanjatkan ke hadrat Allah swt atas limpah kurnia dan kasih sayang-Nya, diberikan saya kekuatan, kesungguhan dan ketabahan agar dapat saya menjalankan kajian ini. Kajian ini menjadi lambang perjalanan saya untuk terus mencari ilmu. Perjalanan ini tidak mungkin akan berhasil tanpa sokongan dari banyak pihak. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada kedua-dua penyelia saya, Dr. Rokiah Awang dan Prof. Madya Haslina Haroon. Kesabaran, ilmu yang dikongsi, bantuan dan semangat yang diberikan membolehkan saya terus berusaha tanpa henti. Moga Allah sentiasa merahmati segala usaha dan pekerjaan yang dilakukan oleh kedua-duanya. Terima kasih juga diucapkan kepada Kementerian Pengajian Tinggi dan UiTM atas Hadiah Biasiswa yang diberikan. Biasiswa ini besar maknanya buat saya. Kajian ini juga tidak mungkin mudah dilaksanakan tanpa bantuan dan sokongan daripada pihak yang turut membantu dalam kajian ini. Terima kasih diucapkan kepada Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) yang sudi membenarkan saya melibatkan ITBM dalam kajian ini. Terima kasih yang tak terhingga buat Encik Enche Abdullah bin Abdul Kadir atas segala bantuan, maklumat dan pandangan yang diberikan. Terima kasih juga kepada Encik Sakri bin Abdullah kerana memudahkan segala urusan saya di ITBM. Bantuan dan kerjasama dari ITBM telah membuka perspektif baru dalam hidup saya. Terima kasih juga diucapkan buat kakitangan di Dewan Bahasa dan Pustaka atas segala bantuan yang diberikan di awal kajian. Terima kasih juga diucapkan buat Kak Sherry, Kak Linda, Kak Puteri, Kak Shaz dan Ameri yang sentiasa memberi dorongan agar terus berusaha tanpa putus asa. Doa dari Mak, Abah, Arwah Mak (mertua), Abah (mertua) dan adik-adik terus mengiringi perjalanan saya. Perjalanan saya ini juga tidak mungkin akan berhasil tanpa kehadiran Shahar Shah bin Yusof yang menjadi tiang kekuatan dan tulang belakang saya. Kesabaran dan kesetiaan yang ditunjukkan menjadi pendorong untuk saya meneruskan usaha. Buat Muhamad 'Uqail Isyraf dan Muhammad 'Arif 'Aqil, kehadiran mereka menjadi pembakar semangat untuk menjadi yang lebih baik dan terus mencari ilmu. Kasih sayang ketiga-tiga insan ini membuatkan pencarian ilmu ini terlalu bererti.

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
PENGHARGAAN	ii
SENARAI KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	x
SENARAI GRAF	xii
SENARAI CARTA ALIR	xiii
SENARAI KEPENDEKAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv
ABSTRAK	xvi
ABSTRACT	xviii

BAB 1 – PENGENALAN

1.1	Latar Belakang dan Pernyataan Masalah	1
1.2	Tujuan Kajian	13
1.3	Objektif Kajian	13
1.4	Persoalan Kajian	14
1.5	Kerangka Teori	14
1.6	Bidang dan Batasan	16
1.7	Kepentingan Kajian	17
1.8	Definisi Istilah	17
	1.8.1 Strategi Penterjemahan	17
	1.8.2 Budaya Bukan Material	17
	1.8.3 Prosedur Terjemahan	17
	1.8.4 Penyuntingan	17
	1.8.5 Teks Bukan Fiksyen	17
	1.8.6 Komisioner	18
	1.8.7 Ikhtisar Terjemahan	18
1.9	Organisasi Kajian	18

BAB 2 – SOROTAN LITERATUR

2.0	Pendahuluan	20
2.1	Budaya	20
2.1.1	Kategori Budaya	23
2.2	Budaya dan Bahasa	36
2.3	Budaya dan Terjemahan	39
2.4	Strategi Penterjemahan	40
2.5	Penterjemahan Teks Bukan Fiksyen	43
2.6	Prosedur Terjemahan (Newmark, 1988)	48
2.7	Jenis-jenis Pinjaman (Heah, 1989)	54
2.7.1	Pinjaman Tulen	55
2.7.2	Pinjaman Campuran	58
2.8	Teori Terjemahan <i>Foreignization</i> dan <i>Domestication</i> (Venuti, 1995)	60
2.9	Taksonomi Terjemahan <i>Foreignization</i> dan <i>Domestication</i>	63
2.10	Variabel Strategi Penterjemahan (Aixela, 1996)	69
2.11	Suntingan dan Semakan untuk Penterjemah	78
2.12	Patron dalam Terjemahan (Lefevere, 1992)	81
2.13	Pendekatan Fungsional dalam Terjemahan (Nord, 1997)	84
2.14	Rumusan	87

BAB 3 – METODOLOGI

3.0	Pendahuluan	88
3.1	Reka Bentuk Kajian	88
3.2	Tatacara Kajian	90
3.3	Kerangka Teori Kajian	94
3.4	Kaedah Kajian	96
3.4.1	Analisis Kandungan	97
3.4.2	Analisis Perbandingan Teks	98
3.4.3	Temu Bual	99
3.4.3.1	Kelulusan Etika Penyelidikan (Manusia)	101
3.4.3.2	Etika Temu Bual	102
3.4.3.3	Soalan Temu Bual	103
3.4.3.4	Responden Temu Bual	104

3.4.4	Pengiraan Kekerapan	105
3.5	Bahan Kajian	106
3.5.1	Teks <i>The World is Flat: A Brief History of the Globalized World in the Twenty-First Century</i>	106
3.5.2	Draf Terjemahan Akhir oleh Penterjemah	110
3.5.3	Hasil Suntingan oleh Editor Pertama	111
3.5.4	Teks Terjemahan Akhir	111
3.6	Penulis Teks <i>The World is Flat: A Brief History of the Globalized World in the Twenty-First Century</i>	112
3.7	Institut Terjemahan dan Buku Malaysia	113
3.8	Penterjemah Teks <i>The World is Flat: A Brief History of the Globalized World in the Twenty-First Century</i>	116
3.9	Penilai Kedua	118
3.10	Rumusan	119

BAB 4 – PROSEDUR TERJEMAHAN ELEMEN BUDAYA BUKAN MATERIAL

4.0	Pendahuluan	120
-----	-------------	-----

BAHAGIAN I

4.1	Penerbitan Buku Terjemahan oleh Institut Terjemahan dan Buku Malaysia	122
4.2	Penyampaian Maklumat kepada Penterjemah	130
4.3	Ikhtisar Terjemahan bagi Terjemahan Teks <i>The World is Flat: A Brief History of the Globalized World In the Twenty-First Century</i>	133

BAHAGIAN II

4.4	Kategori Elemen Budaya Bukan Material	138
4.4.1	Budaya Ekologi	139
4.4.2	Budaya Organisasi	139
4.4.2.1	Pentadbiran Agama	140
4.4.2.2	Konsep Pentadbiran	140
4.4.2.3	Cara Operasi	140
4.4.2.4	Institusi Antarabangsa	141
4.4.2.5	Jawatan dalam Pentadbiran	141
4.4.2.6	Parti Politik	142
4.4.2.7	Peristiwa Sejarah	142

4.4.3	Budaya Sosial	144
4.4.3.1	Agama dan Kepercayaan	145
4.4.3.2	Golongan	146
4.4.3.3	Norma	147
4.4.3.4	Ideologi	148
4.4.3.5	Rekreasi	148
4.4.3.6	Sikap	149

BAHAGIAN III

4.5	Prosedur Terjemahan Elemen Budaya Bukan Material	149
4.5.1	Pemindahan	151
4.5.1.1	Bentuk Pemindahan	153
4.5.2	Asimilasi	155
4.5.2.1	Asimilasi Tulen	156
4.5.2.2	Asimilasi Campuran	165
4.5.3	Pinjam Terjemah	168
4.5.4	Kata Demi Kata	172
4.5.5	Literal	175
4.5.6	Terjemahan Sedia Ada	181
4.5.7	Persamaan Deskriptif	183
4.5.8	Transposisi	184
4.5.9	Kuplet	185
4.5.9.1	Pemindahan – Literal	186
4.5.9.2	Literal – Modulasi	186
4.5.9.3	Pemindahan – Nota	187
4.5.10	Elemen Yang Tidak Diterjemah	188
4.5.11	Salah Terjemah	190
4.5.12	Prosedur Terjemahan Yang Tidak Konsisten	191

BAHAGIAN IV

4.6	Faktor Mempengaruhi Prosedur Terjemahan Elemen Budaya Bukan Material	193
4.6.1	Bentuk Elemen Budaya Bukan Material	193
4.6.2	Perbezaan Sistem Bahasa	196
4.6.3	Pengaruh Ikhtisar Terjemahan	196
4.6.4	Latar Belakang Penterjemah	201

4.6.5 Sikap Penterjemah	202
4.6.6 Norma dalam Terjemahan	203
4.7 Rumusan	204

BAB 5 – PENYUNTINGAN HASIL TERJEMAHAN

5.0 Pendahuluan	205
5.1 Penyuntingan Terjemahan Elemen Budaya Bukan Material dalam Teks <i>The World is Flat: A Brief History of the Globalized World in the Twenty-First Century</i>	206
5.1.1 Penyuntingan Kopi	206
5.1.1.1 Peraturan Tatabahasa	207
5.1.1.2 Ejaan	208
5.1.1.3 Penggunaan Kosa Kata	215
5.1.1.4 Penggunaan Frasa atau Peribahasa	219
5.1.2 Penyuntingan Stilistik	223
5.1.3 Penyuntingan Struktur	229
5.1.4 Penyuntingan Isi Kandungan	233
5.2 Penyuntingan Terhadap Penterjemahan Yang Tidak Konsisten	241
5.3 Penyuntingan Terhadap Elemen Budaya Yang Tidak Diterjemah	242
5.4 Penyuntingan Yang Salah	243
5.5 Kesalahan Yang Tidak Disunting	246
5.6 Peranan Penyuntingan dalam Memastikan Hasil Terjemahan Mematuhi Ikhtisar Terjemahan	247
5.7 Peranan Editor dalam Tugas Terjemahan	251
5.8 Peranan Komisioner dalam Tugas Terjemahan	253
5.9 Kecenderungan Strategi Penterjemahan	254
5.10 Rumusan	259

BAB 6 – KESIMPULAN

6.0 Pendahuluan	261
6.1 Ringkasan Kajian	261
6.2 Dapatan Kajian	263
6.2.1 Prosedur Penterjemahan Elemen Budaya Bukan Material	263

6.2.2	Faktor Yang Mempengaruhi Penggunaan Prosedur Penterjemahan	264
6.2.3	Peranan Penyuntingan Dalam Memastikan Hasil Terjemahan Menepati Ikhtisar Terjemahan	265
6.2.4	Kecenderungan Strategi Penterjemahan Elemen Budaya Bukan Material	266
6.3	Sumbangan Kajian	267
6.4	Cadangan Kajian Akan Datang	269
	RUJUKAN	271
	LAMPIRAN	

SENARAI JADUAL

		Halaman
Jadual 1.1	Statistik Buku Terjemahan ITBM (1995-2012) Mengikut Bidang	5
Jadual 2.1	Taksonomi Prosedur Dalam Strategi Terjemahan <i>Domestication</i> dan <i>Foreignization</i> oleh Sarjana Terjemahan	65
Jadual 2.2	Taksonomi Terjemahan <i>Foreignization</i> dan <i>Domestication</i> dalam Strategi Penterjemahan Elemen Budaya Bukan Material	68
Jadual 4.1	Bilangan Prosedur Terjemahan Mengikut Kategori Budaya	150
Jadual 5.1	Perubahan Penggunaan Prosedur Selepas Penyuntingan	250
Jadual 5.2	Kecenderungan Strategi Penterjemahan terhadap Terjemahan <i>Foreignization</i> dan <i>Domestication</i>	256

SENARAI RAJAH

		Halaman
Rajah 2.1	Taksonomi Gabungan oleh Kwiecinski (2001) dalam Mlotkowski (2006)	66
Rajah 2.2	Kontinum <i>Foreignization</i> dan <i>Domestication</i> dalam Strategi Penterjemahan oleh Pedersen (2011)	67
Rajah 3.1	Reka Bentuk Kajian	89
Rajah 3.2	Tatacara Kajian	90
Rajah 3.3	Kerangka Teori Kajian	95
Rajah 4.1:	Muka DepanTeks <i>The World is Flat</i> dan <i>Dunia Sama Rata</i>	124
Rajah 4.2	Susunan Perkataan Dalam Asimilasi Tulen Majmuk Analisis	159
Rajah 4.3	Asimilasi TulenTerbitan	161
Rajah 4.4	Asimilasi Tulen Terbitan Berganda	163
Rajah 4.5	Asimilasi Campuran Nukleus	166
Rajah 4.6	Susunan Perkataan Dalam Asimilasi Campuran Majmuk	167
Rajah 4.7	Kedudukan Perkataan dalam Pinjam Terjemah Peniruan	169
Rajah 4.8	Kedudukan Perkataan dalam Pinjam Terjemah Literal	171
Rajah 4.9 (a) – (c)	Kedudukan Padanan Terjemahan Kata Demi Kata	173
Rajah 4.10 (a) – (c)	Kedudukan Padanan Terjemahan Literal (dengan Pengaruh Prosedur Terjemahan Lain)	178
Rajah 5.1(a)	Perubahan Prosedur Terjemahan Selepas Penyuntingan Ejaan	210
Rajah 5.1(b)	Perubahan Prosedur Terjemahan Selepas Penyuntingan Ejaan	211
Rajah 5.2	Petikan Struktur Perenggan DT dan HS (m.s. 1)	229
Rajah 5.3	Penyuntingan Struktur Petikan dalam DT dan HS (m.s. 53)	230

Rajah 5.4	Penyuntingan Struktur Perenggan dalam DT (m.s. 21)	231
Rajah 5.5	Suntingan Struktur (1)	233
Rajah 5.6	Suntingan Struktur (2)	233
Rajah 5.7	Catatan Editor dalam Penyuntingan Isi Kandungan	240
Rajah 5.8	Terjemahan Dalam HS oleh Editor Pertama	241
Rajah 5.9	Taksonomi Terjemahan <i>Foreignization</i> dan <i>Domestication</i> dalam Terjemahan Elemen Budaya Bukan Material dalam Teks <i>The World is Flat</i>	258

SENARAI GRAF

		Halaman
Graf 4.1	Jumlah Elemen Budaya Bukan Material Mengikut Kategori	138
Graf 4.2	Bilangan Elemen Budaya Organisasi Mengikut Subkategori	139
Graf 4.3	Bilangan Elemen Budaya Sosial Mengikut Subkategori	144

SENARAI CARTA ALIR

		Halaman
Carta 4.1	Carta Alir Proses Penerbitan Buku Terjemahan di ITBM	122

SENARAI KEPENDEKAN

BA	Bahasa Arab
BC	Bahasa Cina
BI	Bahasa Inggeris
BM	Bahasa Melayu
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
DT	Draf Terjemahan Akhir oleh Penterjemah
<i>Dunia Sama Rata</i>	Dunia Sama Rata: Sejarah Ringkas Dunia Global Abad Ke-21
HS	Hasil Suntingan oleh Editor Pertama
ITBM	Institut Terjemahan dan Buku Malaysia
<i>The World is Flat</i>	<i>The World is Flat: a Brief History of the Globalized World in the Twenty-First Century</i>
TS	Teks Sumber
TT	Teks Terjemahan

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A	Elemen Budaya Bukan Material Mengikut Kategori dan Prosedur Terjemahan
Lampiran B	Statistik Buku Terjemahan ITBM (dari Tahun 1995 sehingga 2012) Mengikut Bidang
Lampiran C	Panduan Lazim Penggunaan Sesuatu Istilah dan Gaya Penterjemahan
Lampiran D	Kelulusan Etika Kemanusiaan
Lampiran E	Borang Persetujuan Ditemu Bual
Lampiran F	E-mel daripada penterjemah (temu bual secara atas talian)
Lampiran G	Soalan penuh untuk temu bual bersama ITBM
Lampiran H	Soalan penuh untuk penterjemah
Lampiran I	Tajuk bab dalam teks <i>The World is Flat</i> dan draf <i>Dunia Sama Rata</i>
Lampiran J	Emel ITBM berkaitan maklumat teks terjemahan
Lampiran K	Objektif Penubuhan ITBM
Lampiran L	Dapatan temu bual daripada penterjemah bahan kajian
Lampiran M	Latar Belakang Penilai Kedua
Lampiran N	Carta alir penerbitan buku terjemahan ITBM
Lampiran O	Langkah-langkah pengawalan mutu terjemahan
Lampiran P	Contoh hasil suntingan dalam teks terjemahan
Lampiran Q	Salinan surat lantikan penterjemah
Lampiran R	Contoh borang penilaian
Lampiran S	Komen Penilai Kedua

**STRATEGI PENTERJEMAHAN ELEMEN BUDAYA BUKAN
MATERIAL DALAM *THE WORLD IS FLAT: A BRIEF HISTORY OF THE
GLOBALIZED WORLD IN THE TWENTY-FIRST CENTURY* KE DALAM
BAHASA MELAYU**

ABSTRAK

Kajian ini mengkaji strategi penterjemahan elemen budaya bukan material dalam teks bukan fiksyen *The World is Flat: A Brief History of the Globalized World in the Twenty-First Century (The World is Flat)* hasil tulisan Thomas Friedman (2005) ke dalam bahasa Melayu. Sebanyak 179 elemen budaya bukan material (kata, frasa, klausa, ayat dan nombor) digunakan sebagai data bagi (i) menganalisis prosedur terjemahan yang digunakan untuk menterjemah elemen budaya bukan material dalam *The World is Flat*, (ii) meneliti faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan prosedur-prosedur ini, (iii) mencerakinkan peranan penyuntingan dalam memastikan hasil terjemahan menepati ikhtisar terjemahan dan (iv) membincangkan tentang kecenderungan strategi penterjemahan terhadap terjemahan *foreignization* dan *domestication*. Kajian ini menggunakan himpunan beberapa teori, kaedah dan pendekatan secara eklektik bagi menjawab semua persoalan kajian. Empat bahan kajian digunakan dalam kajian ini iaitu teks *The World is Flat* sebagai teks sumber, draf terjemahan akhir oleh penterjemah, hasil suntingan oleh editor pertama dan teks terjemahan akhir yang telah diterbitkan. Kajian ini menggunakan empat kaedah kajian iaitu analisis kandungan, perbandingan analisis teks, temu bual dan pengiraan kekerapan. Dapatan menunjukkan bahawa kesemua elemen budaya boleh dikategorikan kepada tiga kategori iaitu budaya ekologi, budaya organisasi dan budaya sosial. Kesemua elemen ini diterjemahkan menggunakan sembilan prosedur terjemahan iaitu pemindahan, asimilasi, pinjam terjemah, kata demi kata, literal, terjemahan sedia ada, persamaan deskriptif, transposisi dan kuplet. Selain sembilan prosedur ini, terdapat juga elemen budaya yang tidak diterjemahkan, diterjemahkan

secara tidak konsisten dan diterjemahkan dengan terjemahan yang salah. Dapatan menunjukkan bahawa bentuk elemen budaya bukan material dan perbezaan sistem bahasa antara bahasa Inggeris dan bahasa Melayu menjadi dua faktor tekstual yang mempengaruhi penggunaan sesuatu prosedur terjemahan. Faktor ekstratekstual pula melibatkan pengaruh ikhtisar terjemahan, latar belakang penterjemah, sikap penterjemah dan norma dalam terjemahan. Dapatan juga menunjukkan bahawa proses penyuntingan mengubah prosedur terjemahan yang digunakan. Dapatan menunjukkan bahawa berlaku empat jenis penyuntingan terhadap hasil terjemahan elemen budaya bukan material iaitu penyuntingan kopi, penyuntingan stilistik, penyuntingan struktur dan penyuntingan isi kandungan. Dapatan juga menunjukkan bahawa penyuntingan yang dilakukan dapat memastikan hasil terjemahan mematuhi ikhtisar terjemahan yang ditetapkan. Namun demikian, penyuntingan yang dilakukan belum menjanjikan setiap kesalahan dalam hasil terjemahan diperbetulkan. Dapatan menunjukkan masih terdapat kesalahan yang tidak disunting oleh editor malahan terdapat hasil terjemahan yang disunting dengan suntingan yang salah. Dapatan juga menunjukkan bahawa ikhtisar terjemahan dan komisioner turut memainkan peranan dalam menghasilkan teks terjemahan. Didapati bahawa strategi penterjemahan yang digunakan cenderung sebanyak 73.56% terhadap terjemahan *foreignization* dan 14.94% terhadap terjemahan *domestication* manakala 6.32% cenderung terhadap kedua-duanya. Kajian turut mencadangkan taksonomi strategi penterjemahan terhadap terjemahan *foreignization* dan *domestication* serta mencadangkan ikhtisar terjemahan yang bersesuaian dengan konteks penerbitan buku terjemahan di Malaysia.

**TRANSLATION STRATEGIES IN THE TRANSLATION OF
NONMATERIAL CULTURAL ELEMENTS IN *THE WORLD IS FLAT: A
BRIEF HISTORY OF THE GLOBALIZED WORLD IN THE TWENTY-
FIRST CENTURY* INTO THE MALAY LANGUAGE**

ABSTRACT

This research studies the translation strategies of nonmaterial cultural elements in the nonfiction text *The World is Flat: A Brief History of the Globalized World in the Twenty-First Century (The World is Flat)* by Thomas Friedman (2005) into Malay, *Dunia Sama Rata: Sejarah Ringkas Dunia Global Abad Ke-21*. A total of 179 nonmaterial cultural elements (word, phrase, clause, sentence and number) are used as data to: (i) analyse the translation procedures used in translating the nonmaterial cultural elements in *The World is Flat*, (ii) examine the factors which influence the use of the procedures, (iii) explore the role of editing in ensuring that the translation produced complies with the translation brief, and (iv) discuss the tendency of the translation strategies towards foreignization and domestication translations. This study utilises a number of theories, methods and approaches as an eclectic framework in order to discuss the findings and to achieve the stated objectives. Four texts are used in this study, i.e., *The World is Flat* as the source text, the final translation draft by the translator, the edited copy of the first editor, and the published translated text. This study uses four research methods: content analysis, textual comparison analysis, interview, and frequency calculation. The findings show that all the elements can be categorized into three categories, i.e., ecological culture, organizational culture, and social culture. These elements are translated using nine procedures, i.e.,: transference, assimilation, through-translation, word-for-word translation, literal translation, recognized translation, descriptive equivalence, transposition, and couplet. There are also elements that are not translated, translated inconsistently and wrongly translated. Findings show that the form of the elements and

the linguistic difference between English and the Malay language are the two textual factors which influence the use of the translation procedures. The findings also show that the translation brief, the translator's background, the translator's attitude and the norms in translation are the extratextual factors that influence the translation procedures used. The editing process is also found to have changed the translation procedures. There are four types of editing involved in the editing of nonmaterial cultural elements in the translated text, i.e. copyediting, stylistic editing, structural editing and content editing. Furthermore, it is shown that editing plays an important role in ensuring that the translation produced complies with the translation brief. Nevertheless, the editing conducted does not guarantee that every single mistake in the translation is rectified. The findings reveal that there are several mistakes which escaped the editor's attention and what is more, there are even editing and translations that are wrongly added. The study also shows that errors still appear in the resulting translation in spite of the editing process. The translation brief and the commissioner apparently have a significant influence on the final product. The findings on the translation procedures reveal a 73.56% tendency towards foreignization translation and 14.94% towards domestication while another 6.32% shows a tendency towards both foreignization and domestication translations. This study proposes a taxonomy of translation strategies pertaining to foreignization and domestication translations and also proposes a translation brief that is suitable to the context of publication of translation books in Malaysia.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang dan Pernyataan Masalah

Terjemahan merupakan medium penting yang seringkali digunakan untuk memindahkan ilmu, budaya, pemikiran dan kebanyakan isu kemanusiaan. Terjemahan juga digunakan oleh kebanyakan masyarakat untuk memperkayakan pemikiran, budaya dan bahasa masyarakat yang lain (Seyed Alireza Shirinzadeh, 2014:2350). Terjemahan merupakan alat komunikasi dan wasilah untuk memindahkan ilmu pengetahuan dan budaya masyarakat dalam masyarakat yang lain (Mohd Sukki Othman, <http://dwnbahasa.dbp.my>, dicapai pada 17 Oktober 2015).

Menterjemah budaya bukanlah semudah memindahkan kata bahasa sumber (BS) ke dalam bahasa sasaran (BT). Terjemahan berlaku dalam budaya sasaran yang lazimnya jelas berbeza daripada budaya sumber. Perbezaan budaya antara BS dan BT menyebabkan seseorang penterjemah berada dalam dilema kerana dia perlu memindahkan mesej teks sumber (TS) ke dalam teks sasaran (TT) dengan tepat dan dalam masa yang sama dia mungkin tidak dapat mencari padanan dalam BT hingga menyebabkan ketidakterjemahan unsur budaya tersebut (Nababan, 2008).

Perbezaan inilah selalunya menimbulkan masalah dalam terjemahan. Sebagaimana menurut Larson (1984:163),

Perhaps one of the most difficult problems facing a translator is how to find lexical equivalents for objects and events which are not known in the receptor culture, and, therefore, there is no word or phrase in the receptor language which is easily available for the translation.

Larson (1984:166) turut menambah

the function of a thing or event is often culturally unique and unknown to other peoples. If the form is retained without clarifying the function, wrong meaning may result.

Fungsi sesuatu benda atau acara merupakan sesuatu yang unik dan hanya diketahui serta difahami oleh masyarakat yang mengamalkannya. Keunikan ini boleh menyebabkan kerja-kerja terjemahan menjadi mustahil lebih-lebih lagi apabila fungsi sesuatu situasi dalam makna konteks TS gagal dicari padanannya dalam BT. Hal ini kerana kewujudan padanan terjemahan hanya berlaku apabila BS dan BT masing-masing mempunyai ciri-ciri dalam situasi yang fungsinya adalah relevan (Catford, 1965:94). Ketiadaan padanan kata BS dalam BT berdasarkan latar cerita juga boleh menyebabkan masalah dalam penterjemahan budaya. Keadaan ini timbul lebih-lebih lagi jika sesuatu konsep itu tidak pernah wujud dalam budaya BT (Baker, 1992). Contohnya istilah *Halloween* (*The World is Flat: A Brief History of the Globalized World in the Twenty-First Century, The World is Flat: 311*) yang tidak wujud dalam sosiologi dan budaya penutur Bahasa Melayu (BM).

Selain itu, perbezaan dalam budaya juga terhasil daripada perbezaan perspektif penutur terhadap persekitaran. Dalam kebanyakan hal, penterjemah tidak semestinya mempunyai latar belakang budaya yang sama dengan penulis asal (Stolze, 2009) kerana terjemahan juga melibatkan hubungan pemikiran dari dunia yang berbeza (Nida, 2001). Contohnya peribahasa yang menggunakan anjing dan kucing sebagai perlambangan. Bagi budaya bahasa Inggeris (BI), ungkapan *it's raining cats and dogs* bermaksud *hujan lebat*. Perlambangan yang sama yang digunakan dalam peribahasa bahasa Melayu (BM) pula merujuk kepada makna yang berbeza daripada BI. Ungkapan *bagai anjing dengan kucing* digunakan bagi menggambarkan *dua individu atau pihak yang sering bertelagah dan sukar untuk didamaikan*. Pemikiran yang berbeza antara masyarakat penutur BI dan BM menyebabkan berlakunya perbezaan makna dalam ungkapan budaya. Sekiranya *cat and dogs* dalam BI diterjemahkan dengan *anjing dan kucing* dalam BM, maksud dalam TS

belum tentu dapat disampaikan sepenuhnya ke dalam TT. Hal ini menunjukkan bahawa pemikiran yang berbeza ada kalanya menyebabkan berlakunya perbezaan perlambangan dalam terjemahan ungkapan budaya.

Penggantian leksikal BS dengan padanannya dalam BT juga belum tentu dapat memastikan ketepatan atau padanan makna yang betul. Sebagaimana menurut Sapir (1949:209 dlm. Sampson, 1980:83), persamaan perkataan tidak boleh dianggap sebagai persamaan budaya kerana menurut beliau

no two languages are ever sufficiently similar to be considered as representing the same social reality. The worlds in which different societies live are distinct world, not merely the same world with different labels attached.

Dapat dikatakan bahawa dalam realiti sosial, latar belakang budaya, konsep dan pernyataan yang disampaikan oleh sesuatu bahasa adalah tidak sepadan dengan bahasa yang lain. Perbezaan ketara antara bahasa juga menyulitkan penterjemah untuk mencari padanan yang benar-benar sesuai. Ini telah dibuktikan oleh sarjana terjemahan seperti Snell-Hornby (1988) yang mengkaji tentang budaya dalam terjemahan.

Di Malaysia, kajian-kajian terdahulu sebagaimana yang dilakukan oleh Goh Sang Seong (2007), Masoud Sharififar (2007), Ummu Salmah (2008), Nor Hafeza (2009), Hou Keat Khong (2009), Jamilah (2009) dan Idris (2011) telah membuktikan bahawa elemen budaya boleh menimbulkan masalah dalam terjemahan. Masalah terjemahan budaya antara bahasa wujud dalam kebanyakan pasangan bahasa termasuklah pasangan bahasa Inggeris (BI)-bahasa Melayu (BM) (Jamilah, 2009; Nor Hafeza, 2009), bahasa Mandarin-BM (Goh Sang Seong, 2007), BI-bahasa Farsi (Masoud Sharififar, 2007), bahasa Arab-BM (Idris) dan BM-bahasa Sepanyol (Hou Keat Khong, 2009).

Masalah budaya dalam terjemahan wujud dalam kebanyakan jenis teks. Kajian-kajian oleh Goh Sang Seong (2007, Hikayat *Shu Hui Zhuan*), Masoud Sharififar (2007, dua

buah drama iaitu *A Streetcar Named Desire* dan *The Pilgrim's Progress* serta sebuah novel, *The Great Gatsby*), Pabiyah dan Kamaruddin (2009, novel Arab *Lorong Midaq*), Hou Keat Khong (2009, novel *Empangan*), Jamilah (2009, *Siddharta*) dan Idris (2011, *Rihlat Ibn Battuta*) menunjukkan bahawa elemen budaya wujud dalam sebarang jenis teks. Kesemua teks yang dikaji ini kelihatannya adalah teks fiksiyen, sastera dan agama.

Kajian oleh Ummu Salmah membuktikan bahawa brosur yang cirinya memberikan maklumat dan bersifat bukan fiksiyen juga mengandungi elemen budaya di dalamnya. Ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa teks bukan fiksiyen juga mengandungi elemen budaya di dalamnya dan boleh digunakan sebagai bahan kajian. Kajian yang dilakukan oleh Nor Hafeza (2009) pula kelihatannya berbeza daripada kebanyakan kajian lain kerana menjadikan label di muzium tekstil sebagai bahan kajian dalam mengkaji terjemahan unsur budaya material (pakaian).

Jika diteliti, kelihatannya teks bukan fiksiyen masih lagi tidak dikaji secara khusus. Jika dilihat pada trend penerbitan buku terjemahan oleh Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) sebagai institusi terjemahan negara, dari tahun 1995 sehingga 2012, kelihatannya teks bukan fiksiyen lebih banyak diterjemahkan dan diterbitkan jika dibandingkan teks sastera dan fiksiyen (rujuk Lampiran B). Jadual 1.1 berikut dapat menunjukkan dengan jelas trend penerbitan buku terjemahan di ITBM mengikut bidang.

Jadual 1.1: Statistik Buku Terjemahan ITBM (1995 - 2012)
Mengikut Bidang

BIDANG	JUMLAH
Agama	23
Bahasa	1
Ekonomi	29
Ensiklopedia	4
Falsafah	15
Geografi	2
*Karya Agung	8
Kejuruteraan	12
Kewangan	1
Komunikasi	1
Malaysiana	7
Matematik	37
Pemasaran	2
Pendidikan	142
Pengurusan	24
Perbankan	2
Psikologi	2
Sains	258
Sains Politik	17
*Sastera	1
*Sastera (Tradisional)	1
*Sastera (Dunia)	29
*Sastera (Kanak-kanak)	94
*Sastera (Kebangsaan)	144
Seni dan Kreatif	58
Sosiologi	4
Teknologi Maklumat	12
Terjemahan	12
Umum	92
Undang-undang	4
JUMLAH	1038

Sumber: ITBM (2013)

Bermula dari tahun 1995 sehingga 2012 ITBM telah menerbitkan sebanyak 1038 buah judul terjemahan. Daripada jumlah ini hanya 277 buah judul (yang bertanda *) adalah buku atau judul bidang sastera dan fiksyen. Teks bukan fiksyen kelihatannya lebih banyak diterjemah dan diterbitkan iaitu sebanyak 761 judul.

Jika dilihat pada kajian-kajian terdahulu, kelihatannya teks sastera dan fiksyen lebih banyak dikaji dan dianalisis. Bahkan jika dihitungkan kertas kerja yang dibentangkan di Persidangan Penterjemahan Antarabangsa (PPA) Ke-15, kelihatannya teks sastera dan

fiksiyen banyak digunakan sebagai bahan kajian. Sebanyak 20 kertas kerja yang dibentangkan adalah berdasarkan kajian dan analisis terhadap teks sastera, fiksyen dan agama manakala hanya lapan kertas kerja berdasarkan teks selain sastera dan fiksyen dibentangkan. Lapan kertas kerja ini kebanyakannya menggunakan brosur dan buku akademik sebagai bahan kajian.

Situasi ini secara tidak langsung menunjukkan senario yang tidak seimbang dalam penggunaan bahan kajian. Teks bukan fiksyen juga ada cabaran untuk menterjemahnya. Teks bukan fiksyen merupakan satu jenis atau genre penulisan yang berdasarkan kepada fakta dan realiti hidup berbanding cerita atau teks fiksyen yang kandungannya direka. Teks bukan fiksyen meliputi sebarang jenis teks yang memberi maklumat (<http://www.bbc.co.uk>, dicapai pada 8 Mac 2015).

Satu aspek penting yang perlu diambil kira dalam penterjemahan teks-teks bukan fiksyen ialah pengetahuan am atau *knowledge of the world* (Asmah, 2008:44) yang terdapat di dalamnya. Teks bukan fiksyen juga ada cabaran untuk menterjemahkannya. Hal ini kerana penyampaian ilmu dalam sesebuah teks juga berkait rapat dengan budaya pembaca sasaran.

Dalam kajian ini, pandangan Asmah Haji Omar (2008), trend penerbitan buku terjemahan oleh ITBM dan trend penggunaan bahan kajian terjemahan dijadikan justifikasi kajian ini menggunakan teks bukan fiksyen.

Teks bukan fiksyen *The World is Flat: A Brief History of the Globalized World in the Twenty-First Century (The World is Flat)* dijadikan sebagai bahan kajian dalam kajian ini bagi mengkaji strategi penterjemahan elemen budaya bukan material. Selain pengetahuan am, teks ini membicarakan banyak isu berkaitan pentadbiran, pengurusan dan persaingan antara negara, perniagaan dan kesamarataan dunia dalam menghadapi isu-isu globalisasi

yang menjadi topik hangat terkini dan pernah menjadi perbincangan dunia juga dikupas dengan cara yang tersendiri oleh penulis asalnya dalam teks ini.

Elemen budaya bukan material dalam teks ini dikaji strategi terjemahannya dengan menganalisis prosedur terjemahan yang digunakan, penyuntingan yang dilakukan terhadap hasil terjemahan dan kecenderungan strategi penterjemahan yang digunakan. Belum ada lagi kajian yang mengkaji khusus tentang terjemahan elemen budaya bukan material dalam teks bukan fiksyen. Hanya budaya material sahaja (pakaian) yang dikaji secara khusus dalam kajian oleh Nor Hafeza (2009). Goh Sang Seong (2009) pula mengkaji kebolehterjemahan unsur budaya berdasarkan kategori budaya oleh Newmark (1988) yang melibatkan juga budaya material dan budaya bukan material. Idris (2011) turut mengkaji terjemahan budaya dalam *Rihlah Ibn Battuta*. Namun kategori budaya yang dikaji selain unsur agama, sebahagian besarnya meliputi budaya material seperti makanan, minuman dan pakaian.

Budaya bukan material juga boleh menimbulkan kesukaran dalam terjemahan. Hal ini kerana budaya bukan material merangkumi entiti abstrak seperti idea yang mempengaruhi manusia (Scupin & Decourse, 2001:216; Henslin, 2002:36-37 & Thio, 2005:45). Penterjemahan elemen budaya bukan material tidak seharusnya dipandang ringan dan penterjemah perlu benar-benar memahami maksud setiap elemen budaya agar penterjemahannya dapat dilakukan dengan tepat.

Contohnya, kata nama khas *The Bible* (*The World is Flat*: 48) boleh menimbulkan masalah kepada penterjemah apatah lagi jika digunakan dalam ayat yang berunsur budaya yang merujuk kepada agama seperti *The Bible tells us that God created the world in six days and on the seventh day he rested*. Ayat ini mempunyai makna yang khusus kepada penulis TS. Kata nama khas *The Bible* dalam ayat ini boleh menimbulkan masalah kepada penterjemah kerana wujudnya unsur ideologi dan agama padanya. Bahkan ayat ini juga

boleh menimbulkan masalah kepada penterjemah sama ada perlu menterjemahkannya menggunakan BT atau mengekalkannya dalam TT. Sekiranya ayat ini diterjemahkan ke dalam BM dengan menterjemahkan *The Bible* menjadi *Kitab Injil*, ia boleh menimbulkan rasa tidak selesa atau sensitif pada pembaca sasaran. Persoalan sama ada mahu dikekalkan elemen budaya ini atau diterjemahkan terus terletak kepada kebijaksanaan penterjemah dalam menangani masalah penterjemahan budaya.

Dalam menangani masalah penterjemahan budaya, penterjemah perlu mengambil kira terjemahan sebagai proses pemindahan antara budaya dan bukannya antara bahasa semata-mata kerana penghasilan dan penerimaan sesuatu teks adalah berbeza antara sesuatu budaya dengan budaya yang lain (Larson, 1984; Koller, 1979/1992 dalam Shuttleworth & Cowie, 1997:35).

Pemindahan budaya antara bahasa memerlukan pendekatan pelbagai penjurong yang memberi penekanan terhadap hubungan antara penulis dengan hasil tulisannya dan hubungan antara penulis dengan pembaca hasil tulisannya. Penterjemah seringkali berhadapan dengan masalah untuk mencari cara yang paling sesuai bagi menterjemahkan budaya dalam TS dan memindahkan aspek-aspek budaya tersebut ke dalam BT. Perbezaan dan kepelbagaian budaya antara TS dan TT boleh menyukarkan proses menterjemah.

Sememangnya tidak dinafikan bahawa teori terjemahan yang dibangunkan oleh kebanyakan ahli teori terjemahan yang terdahulu menyarankan pelbagai prosedur yang dirasakan sesuai digunakan untuk menterjemahkan elemen budaya dalam teks. Penterjemah secara dasarnya boleh menggunakan sebarang prosedur terjemahan yang dirasakannya dapat menterjemahkan TS.

Namun begitu, dalam dunia terjemahan yang sebenar, prosedur terjemahan yang digunakan boleh ditentukan atau dipengaruhi oleh faktor-faktor tertentu. Memang tidak dinafikan bahawa faktor linguistik memberikan pengaruh secara langsung dan penting dalam penggunaan sesuatu prosedur terjemahan. walau bagaimanapun, faktor selain bahasa juga boleh mempengaruhi hasil terjemahan. Malahan faktor peribadi seseorang penterjemah juga boleh mempengaruhi terjemahan (Nida, 1964:12).

Prosedur terjemahan juga boleh ditentukan oleh tujuan TT dihasilkan. Hal ini kerana terjemahan dilihat sebagai satu aktiviti yang bertujuan (Vermeer: 1989:173). Penetapan tujuan TT dihasilkan sangat dipengaruhi oleh konteks sosial dan budaya serta ideologi penulis TS, penterjemah dan pembaca TT (Nababan, 2004).

Tujuan TT dihasilkan juga boleh ditentukan oleh pihak yang memulakan tugas terjemahan. Hal ini kerana, secara realitinya hari ini, terjemahan adalah satu bentuk tugas (Nord, 1997). Sesuatu tugas tidak dimulakan tanpa tujuan. Begitu juga dengan penghasilan TT. TT tidak dihasilkan tanpa sebarang matlamat yang khusus. Dalam hal ini, pihak yang memulakan tugas, dalam kajian ini komisioner, sangat berpengaruh dalam menentukan prosedur dan strategi penterjemahan yang digunakan.

Peranan komisioner dalam tugas terjemahan tidak seharusnya dipandang ringan. Peranan penterjemah sememangnya tidak boleh dinafikan. Namun, komisioner juga mempunyai peranannya tersendiri dan boleh mempengaruhi hasil terjemahan. Sebagai pihak yang memulakan tugas dan memantau tugas secara keseluruhannya, komisioner mempunyai matlamat menghasilkan TT. Komisioner menentukan TS untuk diterjemahkan ke dalam BT. Selain menentukan kebolehlaksanaan sesuatu tugas terjemahan, komisioner juga memilih dan melantik penterjemah yang dirasakannya mampu menterjemah TS yang dipilih. Bahkan komisioner juga mempunyai kriterianya

sendiri dalam menghasilkan TT dan mempunyai kuasa dan hak untuk menentukan rupa dan bentuk TT yang dimahukan.

Mohamed Zain (2015) yang mengkaji terjemahan bahan promosi pelancongan mendapati bahawa komisioner juga mempunyai peranan dalam proses terjemahan. Beliau menyatakan bahawa bahan promosi pelancongan merupakan satu daripada bahan yang sering diterjemahkan di serata dunia. Walau bagaimanapun, bahan ini seringkali dikritik kerana kualiti terjemahannya yang rendah. Beliau mendapati bahawa terdapat jurang antara fahaman komisioner tentang senario terjemahan dan amalan sebenar dalam terjemahan. Salah faham terhadap proses terjemahan dan peranan terjemahan menyebabkan hasil terjemahan tidak sebagaimana yang diharapkan. Penterjemah dikatakan menggunakan prosedur terjemahan yang dirasakan tidak dapat menghasilkan TT yang diinginkan komisioner. Kajian beliau dapat membuktikan bahawa selain penterjemah, komisioner juga perlu diberikan kefahaman tentang proses terjemahan secara keseluruhan dan amalan terjemahan yang sebenarnya.

Kajian oleh Mohamed Zain (2015) ini membuktikan bahawa kajian terjemahan tidak seharusnya tertumpu pada terjemahan sebagai satu produk. Terjemahan sebagai satu bentuk tugas juga perlu dikaji. Aspek-aspek lain yang boleh mempengaruhi hasil terjemahan juga perlu dikaji. Hal ini kerana terjemahan tidak wujud sebagai satu vakum yang hanya melibatkan penterjemah dan TT yang dihasilkan.

Sahol Hamid (2011) dan Mohd. Salleh (2011) dalam kertas dasar mereka di Persidangan Penterjemahan Antarabangsa Ke-13 turut menyatakan bahawa aspek lain selain teks juga perlu dikaji dalam kajian terjemahan. Mereka berpendapat bahawa sudah tiba masanya kajian terjemahan di Malaysia memberi perhatian serius terhadap perkara-perkara sosiobudaya seperti pemilihan teks, ideologi atau orientasi penterjemah dan penerbit, penerimaan dan impak ke atas khalayak sasaran dan pulangan ke atas masyarakat TS.

Kerangka dan model penterjemahan yang mengambil kira perkara-perkara baru seperti kuasa dan suara dalam penghasilan terjemahan, nilai ekonomi, retorik berasaskan genre dan audien juga perlu diketengahkan.

Malahan Lefevere (1992b:142) juga pernah mencadangkan agar kajian mendalam yang melibatkan beberapa aspek tertentu seperti peranan audien dan patron dijalankan. Aspek-aspek ini juga boleh menjadi faktor penggunaan sesuatu strategi dalam penterjemahan. Biar pun cadangan ini telah lama diutarakan, ia masih lagi relevan di Malaysia memandangkan aspek-aspek ini masih tidak dikaji sepenuhnya dalam kajian-kajian terdahulu.

Sebagai satu bentuk tugas, terjemahan juga melibatkan proses lain selain menterjemah dalam memastikan TT yang dihasilkan berkualiti dan menepati kriteria yang ditetapkan. Bagi memastikan terjemahan dihasilkan menepati kriteria yang ditetapkan, komisioner menetapkan ikhtisar terjemahan sebagai panduan bagi penterjemah untuk menterjemah TS. Ikhtisar terjemahan yang diberikan hanyalah bertujuan untuk memberi gambaran kepada penterjemah akan rupa dan hasil terjemahan yang dikehendaki. Penterjemah masih lagi bebas untuk menterjemah TS menggunakan kaedah yang difikirkan sesuai digunakan.

Biar pun ikhtisar terjemahan yang diberikan tidak menetapkan kaedah atau strategi khusus untuk menterjemah, persoalan sama ada penterjemah mahu menggunakan prosedur terjemahan yang difikirkan sesuai pada pandangannya atau menuruti garis panduan oleh komisioner sebagai pelanggan perlu dikaji. Begitu juga persoalan sama ada ikhtisar terjemahan boleh mempengaruhi hasil terjemahan atau mempengaruhi cara penterjemah menterjemah juga perlu dikaji.

Selain itu, persoalan tentang cara komisioner memastikan hasil terjemahan menepati ikhtisar terjemahan perlu dikaji dan dibincangkan. Hal ini kerana, sekiranya hasil

terjemahan didapati tidak menepati kriteria yang ditetapkan, apakah yang dilakukan oleh komisioner? Adakah terjemahan baru perlu dihasilkan? Atau adakah terjemahan tersebut diperbaiki? Sekiranya ia perlu diperbaiki, apakah yang dilakukan? Bagaimana pula proses tersebut dapat membantu komisioner memastikan hasil terjemahan menepati ikhtisar terjemahan? Persoalan-persoalan ini perlu dikaji bagi melihat strategi yang digunakan oleh komisioner dalam memastikan hasil terjemahan menepati ikhtisar terjemahan yang ditetapkan.

Hasil temu bual bersama ITBM sebagai penerbit TT menunjukkan bahawa penyuntingan dilakukan bagi memastikan TT yang dihasilkan mengekalkan makna yang terdapat dalam TS dan dalam masa yang sama mematuhi tatabahasa BM sebagai BT. Penyuntingan terhadap hasil terjemahan oleh penterjemah merupakan satu daripada strategi penterjemahan yang digunakan oleh ITBM dalam memastikan TT yang dihasilkan mematuhi ikhtisar terjemahan yang ditetapkan.

Kajian terjemahan berita akhbar oleh Rokiah (2000) menunjukkan bahawa terjemahan berita akhbar disunting oleh penyunting dalaman yang sememangnya bekerja untuk syarikat akhbar. Ini berbeza pula bagi penerbitan buku terjemahan dalam kajian ini. Berdasarkan proses penerbitan buku terjemahan oleh ITBM, terjemahan yang telah diserahkan oleh penterjemah perlu melalui dua peringkat penyuntingan iaitu (i) penyuntingan oleh editor luar yang dilantik untuk tugas terjemahan dan (ii) penyuntingan oleh editor ITBM. Dalam hal ini, adakah penyuntingan yang dilakukan sebanyak dua peringkat ini mampu memastikan TT yang dihasilkan tidak mengandungi sebarang kesalahan?

Bertitik tolak daripada kenyataan-kenyataan ini, difikirkan bahawa perlu ada satu kajian yang mengkaji aspek-aspek makro dalam terjemahan agar bidang kajian terjemahan di Malaysia dapat diperluaskan dan teori serta konsep-konsep baru yang bersesuaian dengan

senario terjemahan di Malaysia dapat diperkenalkan. Kajian ini dapat menerangkan hubungan yang wujud apabila terjemahan dikaji sebagai satu bentuk tugas dan terjemahan sebagai produk.

Kajian yang dijalankan secara kajian kes ini mengkaji strategi penterjemahan elemen budaya bukan material dalam teks bukan fiksyen *The World is Flat* oleh Thomas L. Friedman (2005) ke BM. Dalam kajian ini, strategi penterjemahan meliputi proses keseluruhan yang dilakukan bagi menghasilkan TT. Ia termasuklah pemilihan TS, penetapan ikhtisar terjemahan, penterjemahan TS dan penyuntingan terhadap hasil terjemahan. Aspek-aspek ini dikaji bagi memerihalkan strategi penterjemahan secara keseluruhan.

Kajian ini diharapkan dapat membuktikan bahawa aspek makro juga memainkan peranan dan mempunyai pengaruh dalam hasil terjemahan. Kajian ini juga diharapkan dapat menunjukkan bahawa terjemahan juga perlu dilihat sebagai satu bentuk tugas.

1.2 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan mengkaji strategi penterjemahan elemen budaya bukan material dalam terjemahan teks bukan fiksyen BI *The World is Flat* ke dalam BM.

1.3 Objektif Kajian

Bagi mencapai tujuan, kajian ini memfokus kepada aspek-aspek yang lebih khusus berdasarkan objektif-objektif berikut:

- i. menghuraikan prosedur terjemahan yang digunakan untuk menterjemah elemen budaya bukan material dalam terjemahan teks bukan fiksyen BI *The World is Flat* ke dalam BM

- ii. mencerakinkan faktor tekstual dan ekstratekstual yang mempengaruhi pemilihan prosedur penterjemahan elemen budaya bukan material
- iii. memerihalkan peranan penyuntingan dalam memastikan hasil terjemahan menepati ikhtisar terjemahan
- iv. memerihalkan kecenderungan strategi penterjemahan elemen budaya bukan material dalam teks *The World is Flat* terhadap terjemahan *foreignization* dan *domestication*

1.4 Persoalan Kajian

Bagi mencapai objektif kajian, beberapa persoalan telah dibangunkan iaitu:

- i. Apakah prosedur terjemahan yang digunakan untuk menterjemah elemen budaya bukan material dalam teks bukan fiksyen BI *The World is Flat* ke dalam BM?
- ii. Apakah faktor tekstual dan ekstratekstual yang mempengaruhi pemilihan prosedur terjemahan elemen budaya bukan material?
- iii. Bagaimanakah penyuntingan dapat memastikan hasil terjemahan elemen budaya bukan material dalam teks bukan fiksyen BI *The World is Flat* menepati ikhtisar terjemahan?
- iv. Berdasarkan kecenderungan terhadap terjemahan *foreignization* dan *domestication*, apakah kecenderungan strategi penterjemahan elemen budaya bukan material dalam teks bukan fiksyen BI *The World is Flat* ke dalam BM?

1.5 Kerangka Teori

Beberapa himpunan teori, model, pendekatan dan kaedah digunakan secara eklektik dalam kajian ini bagi membentuk kerangka teori kajian. Prosedur terjemahan oleh Newmark (1988) yang diadaptasikan bersama-sama jenis-jenis pinjaman oleh Heath (1989) dijadikan kerangka untuk membincangkan tentang prosedur terjemahan yang digunakan untuk menterjemah elemen budaya bukan material manakala Variabel Strategi Penterjemahan (Aixela, 1996) digunakan untuk mengkaji faktor yang mempengaruhi pemilihan sesuatu prosedur penterjemahan. Bagi meneliti peranan penyuntingan dalam terjemahan, Semakan dan Suntingan untuk Penterjemah yang diperkenalkan Mossop (2001) dijadikan panduan. Teori terjemahan *foreignization* dan *domestication* oleh Venuti (1995) dan taksonomi terjemahan *foreignization* dan *domestication* yang dibangunkan dalam kajian ini digunakan sebagai kerangka untuk meneliti kecenderungan strategi penterjemahan. Bagi membicarakan tentang peranan dan pengaruh ikhtisar terjemahan dan komisioner dalam tugas terjemahan, Pendekatan Fungsian oleh Nord (1997) dan pandangan Lefevere (1992) tentang patron dalam terjemahan digunakan sebagai kerangka.

1.6 Bidang dan Batasan Kajian

Kajian ini dibataskan kepada beberapa batasan tertentu bagi memastikan dapatan yang diperolehi mudah untuk dijustifikasikan dan perbincangan dapat dihuraikan dengan lebih mendalam selain mengelakkan pertindanan dan perbincangan yang tidak mendalam.

Kajian ini:

- i) hanya melibatkan dua bidang kajian iaitu (i) terjemahan sebagai tugas dan (ii) terjemahan sebagai produk yang difokuskan kepada strategi penterjemahan yang melibatkan analisis terhadap prosedur penterjemahan, aspek penyuntingan dan ikhtisar terjemahan. Aspek penerbitan dan bidang kajian terjemahan yang lain tidak akan dibincangkan dengan mendalam dalam kajian ini.

- ii) hanya mengkaji penterjemahan elemen budaya bukan material. Tidak dinafikan bahawa terdapat juga elemen budaya material dalam teks yang dikaji. Namun begitu, terjemahan elemen budaya material tidak akan dibincangkan secara mendalam dalam kajian ini melainkan jika ia berkaitan dengan contoh yang digunakan.

- iii) mengira elemen budaya bukan material yang fungsi dan maknanya sama sebagai satu dapatan melainkan elemen tersebut diterjemahkan menggunakan prosedur penterjemahan yang berbeza.

- iv) menggunakan teks bukan fiksyen *The World is Flat* edisi 1.0 yang diterbitkan pada tahun 2005 sebagai TS kajian (rujuk 3.5.1).

1.7 Kepentingan Kajian

Berdasarkan ulasan dan pernyataan yang diberikan, dapat dirumuskan bahawa kajian ini mempunyai kepentingannya yang tersendiri. Secara khususnya kajian ini diharapkan dapat:

- i) menghuraikan prosedur terjemahan yang digunakan untuk menterjemah elemen budaya bukan material dalam teks bukan fiksyen

- ii) mencadangkan taksonomi kecenderungan strategi penterjemahan dalam terjemahan pasangan BI-BM

- iii) menerangkan peranan yang dimainkan oleh komisioner dalam sesuatu tugas terjemahan

- iv) menyediakan satu garis panduan yang mencadangkan maklumat khusus yang jelas dan perlu ada dalam ikhtisar terjemahan berdasarkan konteks Malaysia
- v) menjadi platform agar ruang yang lebih luas dapat diwujudkan dan menjadi pemangkin untuk fokus kajian yang lebih luas dan pelbagai terutamanya yang melibatkan aspek makro dalam terjemahan
- vi) menjadi sumber rujukan akademik dengan menambah dan menyumbang kepada teori, amalan dan penilaian terjemahan teks bukan fiksyen

1.8 Definisi Istilah Utama

Beberapa istilah utama digunakan berulang kali dalam kajian ini. Istilah-istilah ini didefinisikan berdasarkan definisi dan perbincangan dalam Bab 2.

1.8.1 Strategi Penterjemahan

Strategi penterjemahan merupakan proses keseluruhan yang meliputi semua aspek yang terlibat dalam menghasilkan terjemahan secara keseluruhan (Chesterman, 1997).

1.8.2 Budaya Bukan Material

Budaya bukan material merangkumi produk tidak ketara atau entiti abstrak yang mempengaruhi manusia termasuklah (i) pengetahuan dan kepercayaan (komponen kognitif), (ii) norma dan nilai (komponen normatif) serta (iii) simbol dan bahasa sebagai komponen simbolik (Scupin & Decourse, 2001:216; Thio, 2005:45-46).

1.8.3 Prosedur Terjemahan

Prosedur terjemahan adalah kaedah atau cara yang digunakan untuk menterjemah ayat dan unit-unit bahasa yang lebih kecil (Newmark, 1988).

1.8.4 Penyuntingan

Penyuntingan adalah satu proses membetulkan atau memperbaiki hasil terjemahan agar selaras dengan hukum tatabahasa, gaya penyampaian masyarakat pembaca sasaran dan matlamat penerbit (Mossop, 2001:1).

1.8.5 Teks Bukan Fiksiyen

Teks bukan fiksiyen merupakan satu jenis atau genre penulisan yang berdasarkan kepada fakta dan realiti hidup.

1.8.6 Komisioner

Komisioner adalah orang atau pihak yang memulakan tugas terjemahan dengan melantik penterjemah dan menentukan TS yang bakal diterjemahkan (Nord, 1991 & 1997). Komisioner juga merupakan pihak yang menentukan kebolehlaksanaan dan hala tuju sesuatu projek atau tugas terjemahan (Larson, 1984).

1.8.7 Ikhtisar Terjemahan

Ikhtisar terjemahan adalah himpunan maklumat khusus yang diberikan oleh pelanggan kepada penterjemah yang memberi gambaran tentang TT yang bakal dihasilkan (Nord, 1997).

1.9 Organisasi Kajian

Kajian ini dibahagikan kepada enam bab dan dimulakan dengan Bab 1 yang membicarakan tentang latar belakang kajian yang meliputi pernyataan masalah, tujuan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, kerangka teori, bidang dan batasan kajian serta kepentingan kajian. Definisi istilah utama juga diberikan dalam bab ini. Bab 2 membincangkan tentang teori, pendekatan, pandangan dan isu-isu berkaitan dengan skop kajian. Bab 3 pula khusus membicarakan tentang metodologi kajian dan teks yang menjadi bahan kajian.

Bab 4 dimulakan dengan membincangkan proses terjemahan secara keseluruhan yang diamalkan oleh ITBM sebagai institusi yang bertanggungjawab dalam penerbitan terjemahan teks *The World is Flat*. Ikhtisar terjemahan dan peranan komisioner juga dimuatkan dalam perbincangan bahagian ini. Bahagian kedua bab ini membicarakan tentang kategori elemen budaya bukan material yang dikenal pasti dan bahagian ketiga pula membincangkan tentang prosedur terjemahan yang digunakan untuk menterjemah elemen-elemen budaya bukan material. Faktor-faktor yang mempengaruhi penggunaan prosedur ini dibincangkan di bahagian akhir bab ini.

Penyuntingan dalam strategi penterjemahan dibincangkan dalam Bab 5. Kecenderungan strategi penterjemahan turut dicerakinkan dalam bab ini. Bab 6 merupakan bab terakhir perbincangan yang meliputi rumusan bagi hasil analisis berkaitan strategi penterjemahan elemen budaya bukan material dalam teks bukan fiksi yang dipilih. Sumbangan kajian ini terhadap bidang terjemahan dan cadangan kajian pada masa hadapan turut dibentangkan dalam bab ini.

BAB 2

SOROTAN LITERATUR

2.0 Pendahuluan

Bab 2 membicarakan dengan lebih khusus aspek dan fokus kajian ini. Teori, pendekatan, pandangan ahli teori dan sarjana terjemahan dan definisi istilah dibincangkan dengan mendalam dalam bab ini. Kerangka teori yang digunakan dalam kajian ini juga dibincangkan dengan menyelitkan juga sorotan kajian-kajian lalu.

2.1 Budaya

Komunikasi dan aktiviti harian manusia mewujudkan budaya dalam sesebuah komuniti atau masyarakat. Budaya merupakan satu konsep yang subjektif, komprehensif dan sangat luas untuk diperkatakan. Budaya merupakan satu konsep yang dinamik dan fleksibel yang dibincangkan oleh ramai pengkaji dalam pelbagai bidang.

Budaya adalah sesuatu yang kompleks (Kusmaul dlm. Schäffner, 1997: 69). Budaya dikaitkan dengan tamadun, pemikiran, adat resam dan kesenian. Budaya juga adalah satu panduan menyeluruh yang merangkumi objek, nilai dan ciri lain yang diperolehi oleh seseorang individu melalui kehidupan seharian dalam komunitinya (Thio, 2005:45). Budaya didefinisikan bergantung kepada perspektif atau bidang dan konteks ia diperkatakan. Ruang lingkupnya juga pelbagai sebagaimana kepelbagaian definisinya.

Secara umumnya budaya didefinisikan sebagai ketamadunan, peradaban, kemajuan atau manifestasi kemajuan fikiran dan akal budi yang dicapai oleh sesebuah masyarakat pada suatu masa tertentu. Budaya sering dikaitkan dengan adat resam, kepercayaan dan panduan hidup sekumpulan masyarakat tertentu yang berbeza dengan masyarakat lain

serta boleh dipindahkan melalui hubungan sosial (*Dictionary of Anthropology*, 1970:144; *The Concise Oxford Dictionary*, 1995:238; *Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2005:212). Definisi yang diberikan oleh kamus-kamus ini hanyalah satu rangkuman definisi umum bagi budaya kerana budaya tidak hanya melibatkan nilai dan kepercayaan yang dikongsi bersama malahan budaya lebih daripada itu.

Budaya merupakan (i) kebolehan manusia untuk menyatakan atau menyampaikan pengalaman mereka menggunakan simbol melalui aktiviti sosial mereka seperti berkomunikasi dan (ii) perbezaan cara hidup masyarakat di tempat yang berbeza. Ini jelas dinyatakan dalam definisi budaya oleh ahli antropologi terkenal, Tylor (1871/1958:1 dlm. Katan, 2004:25) yang dianggap definisi budaya paling tua dan sering diguna pakai. Beliau menyatakan

Culture is that complex whole which includes knowledge, belief, art, morals, law, customs and any other capabilities and habits acquired by man as a member of society.

D'Andrade (1984:116 dlm Ting-Toomey, 1999:9), menggambarkan budaya sebagai

Learned systems of meaning, communicated by means of natural language and other symbol systems ... and capable of creating cultural entities and particular senses of reality. Through these systems of meaning, groups of people adapt to their environment and structure interpersonal activities Cultural meaning systems can be treated as a very large diverse pool of knowledge, or partially shared cluster of norms, or as intersubjectively shared, symbolically created realities.

Definisi ini ada persamaannya dengan definisi budaya dalam kajian komunikasi silang budaya yang menganggap budaya sebagai

a complex frame of reference that consists of patterns of traditions, beliefs, values, norms, symbols, and meanings that are shared to varying degrees by interacting members of a community (Ting-Toomey, 1999:10)

Dalam bidang terjemahan pula, budaya dilihat sebagai

the entire setting of norms and conventions an individual as a member of his society must know in order to be 'like everybody' – or to be able to be different from everybody (Vermeer, 1987a:28 dalam Nord, 1997:33)

Newmark (1988:94) pula menyelitikan unsur dan peranan bahasa sebagai medium penyampaian dan menyatakan bahawa setiap bahasa mempunyai ciri budayanya tersendiri. Beliau mendefinisikan budaya sebagai *a way of life and its manifestation that are peculiar to a community that uses particular language as its means of expression.*

Budaya juga dilihat sebagai satu panduan hidup atau yang lebih tepat lagi panduan menyeluruh dan kompleks yang merangkumi objek, nilai dan ciri-ciri lain yang diperolehi oleh seseorang ahli masyarakat dalam komunitinya (Thio, 2005:45). Sebagaimana yang dinyatakan Lynd (1970:19), budaya

... refer to all the things that a group of people inhabiting a common geographical area do, the ways they do things and the ways they think and feel about things, their material tools and their values and symbols.

Meskipun budaya telah didefinisikan dalam pelbagai bidang kajian, dapat dikatakan bahawa kesemua definisi yang diberikan ada persamaannya dengan definisi yang diberikan oleh ahli antropologi Amerika, Kroeber dan Kluckhohn (1952:181 dlm. Katan, 2004:25). Berdasarkan kompilasi definisi budaya yang dilakukan, kedua-dua sarjana ini merumuskan bahawa budaya melibatkan pelbagai aspek yang diperolehi dan dipindahkan dalam sesuatu kumpulan manusia dengan menyatakan

Culture consists of patterns, explicit, implicit of and for behavior acquired and transmitted by symbols, constituting the distinctive achievement of human groups, including their embodiment in artefacts; the essentials core of culture consists of traditional (i.e. historically derived and selected) ideas and especially their attached values. Culture systems may, on the one hand be considered as products of action, on the other hand, as conditioning elements of future action.

Berdasarkan rangkuman definisi dan pandangan yang diberikan, budaya adalah pemikiran, tingkah laku, simbol, adat, barangan yang dihasilkan oleh manusia dan cara manusia menghasil dan menggunakannya.

Dalam kajian ini, budaya merupakan satu manifestasi dan perkongsian bersama yang melibatkan pelbagai aspek kehidupan ahli sesebuah masyarakat dan perkara-perkara yang

melibatkan persekitaran secara turun-temurun. Budaya membentuk setiap ahli masyarakatnya bertingkah laku sebagaimana yang resam dalam masyarakat tersebut. Budaya juga menghasilkan perlakuan dan pemikiran yang berbeza berdasarkan persekitaran dan situasi yang wujud disebabkan perubahan yang dialami. Keperluan terhadap budaya seperti penggunaan bahasa dan penghasilan barangan merupakan satu ciri penting yang membezakan manusia dan makhluk lain. Budaya terbentuk daripada tiga komponen iaitu apa yang manusia fikir, apa yang mereka lakukan dan apa yang mereka hasilkan.

Dapat dirangkumkan juga bahawa (i) istilah budaya merujuk kepada pengetahuan yang luas, realiti yang dikongsi bersama dan norma berkelompok yang membentuk sistem makna dalam sesuatu masyarakat dan membezakan antara satu masyarakat dengan masyarakat yang lain. Sistem yang diperolehi ini kemudiannya (ii) dikongsi dan dipindahkan kepada ahli masyarakat dari satu generasi kepada generasi yang lain atau masyarakat lain melalui interaksi seharian dan (iii) budaya juga membolehkan ahlinya untuk mengadaptasi persekitaran mereka untuk terus wujud.

2.1.1 Kategori budaya

Budaya merupakan suatu enigma yang mengandungi komponen konkrit dan abstrak (Ting-Toomey, 1999:9) yang terdiri daripada dua elemen penting iaitu (i) objek nyata yang meliputi objek buatan manusia yang menggambarkan masyarakat tersebut dan (ii) entiti abstrak seperti idea yang mempengaruhi manusia (Thio, 2005:45).

Budaya dapat dibahagikan kepada budaya material dan bukan material (Scupin & Decourse, 2001:216; Henslin, 2002:36-37 & Thio, 2005:45). Budaya material melibatkan produk fizikal masyarakat manusia atau objek nyata yang meliputi barangan buatan manusia yang menggambarkan masyarakat tersebut. Budaya material termasuklah rumah, pakaian, sekolah, tumbuh-tumbuhan, alatan mahupun barangan yang lain. Sesuatu objek

nyata dianggap menjadi sebahagian daripada budaya apabila ia mempunyai makna tertentu dalam sesuatu kehidupan dan budaya sesebuah masyarakat. Contohnya seketul batu di padang tidak membawa sebarang makna sehinggalah ia digunakan sama ada sebagai alat atau dijadikan bahan untuk membuat binaan (Thio, 2005:45) seperti *Tembok Berlin*. Batu itu tidak mempunyai makna budaya tetapi *Tembok Berlin* yang terbina daripada ketulan batu mempunyai makna budaya bagi masyarakat Jerman. *Tembok Berlin* jika dilihat sebagai satu binaan merupakan budaya material. Namun begitu, *Tembok Berlin* juga boleh dianggap sebagai budaya bukan material apabila ia dilihat sebagai satu entiti yang mempengaruhi budaya hidup dan pemikiran masyarakat di Jerman.

Budaya bukan material merangkumi produk tidak ketara atau entiti abstrak yang mempengaruhi manusia termasuklah (i) pengetahuan dan kepercayaan (komponen kognitif), (ii) norma dan nilai (komponen normatif) serta (iii) simbol dan bahasa sebagai komponen simbolik (Scupin & Decourse, 2001:216; Thio, 2005:45-46).

Konsep pengetahuan dan kepercayaan meliputi aspek-aspek seperti ketuhanan, hubungan manusia dengan Tuhan, moral dan etika. Nilai dan norma pula berbeza antara setiap masyarakat (Thio, 2005:47). Dalam setiap budaya, nilai merupakan idea yang dikongsi bersama tentang apa yang boleh, dikehendaki atau penting bagi sesebuah masyarakat. Idea-idea yang dikongsi bersama ini lazimnya menjadi asas kepada norma dalam sesuatu masyarakat iaitu peraturan yang menentukan bagaimana seseorang perlu bertingkah laku. Ini bermakna, norma merupakan peraturan khusus bagaimana seseorang manusia perlu bertindak dalam sesuatu situasi tertentu manakala nilai adalah idea umum yang menyokong norma (Thio, 2005:46). Contohnya, orang-orang Tibet dan Bhutan mengeluarkan lidah mereka sebagai satu cara untuk menyapa (Thio, 2005:47) manakala orang Inggeris pula menyebut *Hi* dan orang Melayu bersalaman. Cara sapaan ini telah menjadi norma dalam budaya ketiga-tiga masyarakat.